

Pharmaniaga teroka pasaran Asean

PHARMANIAGA Berhad (Pharmaniaga), syarikat berkaitan kerajaan (GLC) yang terbabit dalam sektor penjagaan kesihatan akan terus meneroka pasaran luar negara terutama Asean berikutan keadaan pasaran tempatan yang kecil.

Pengarah Urusannya, Azhar Hussain, berkata syarikat juga sedang meneliti kerjasama dari India terutama dari segi mendapat sumber teknologi.

“Namun begitu, kami belum membuat keputusan mengenainya,” katanya pada

RT Syarikat sedang meneliti kerjasama dari India terutama dari segi mendapat sumber teknologi”

Azhar Hussain
Pegawai Unsur Pharmaniaga

sidang media selepas lawatan ke gudangnya di Shah Alam, Selangor, semalam.

Selain Selangor, syarikat juga mempunyai tiga lagi gudang di Juru, Seberang Prai; Kota Kinabalu, Sabah dan Kuching, Sarawak.

Ketika ini, Pharmaniaga

mempunyai syarikat kerjasama di China yang ditubuhkan Mac lalu beroperasi di bandar Wuxi dan Wilayah Jiangsu serta sebuah anak syarikat di Indonesia dikenali PT Millennium Pharmacoin International Tbk (MPI) yang ditubuhkan pada 2004.

Selain pelaburan secara terus, ia turut menubuhkan pejabat pemasaran di Vietnam.

Di samping itu, produk ke-luarannya turut diperoleh di Brunei, Indonesia, Singapura, Papua New Guinea, Fiji, Myanmar, Kemboja, Hong Kong dan Filipina.

Bagi pasaran domestik pula, Azhar berkata syarikat akan memperluaskan pasaran produknya kepada sektor korporat bagi mengurangkan pergantungan kepada sektor kerajaan yang ketika ini menyumbang 62 peratus kepada perolehan Pharmaniaga.



AZHAR...perluas pasaran